



PELANCARAN Prof Dr Shariff (lima kanan) dan Zamri (lima kiri) melancarkan Hari Keluarga UMS-KAL ke-9.



JUARA Prof Dr Shariff (baju hijau) bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Masjid yang menjuarai acara tarik tali Hari Keluarga UMS-KAL ke-9.

Hari Keluarga UMS-KAL disambut meriah

NST 26.06.2012 18

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainuddin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Hari Keluarga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang diadakan di Perkarangan Bangunan UMS-KAL pada Sabtu, disambut secara sederhana tetapi tetap meriah dengan kehadiran warga universiti itu.

Majlis perasmian Hari Keluarga kali ke 9 itu disempurnakan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj.

Turut hadir isteri beliau, Wan Azmona Wan Mohamed, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah dan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Suprianto Mohd Noor selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Hari Keluarga 2012.

Hadir sama pegawai-pegawai kanan, pensyarah, kakitangan dan ahli keluarga.

Pelbagai aktiviti sukaneka diadakan untuk merapatkan lagi hubungan antara kakitangan sesama kakitangan serta ahli keluarga.

Hari Keluarga UMS-KAL 2012 yang bertemakan IUMS-KAL Keluarga Harmoni itu bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara pegawai, pensyarah dan kakitangan di universiti itu.

Dr Shariff berkata, selepas penat bekerja seharian pada hari Isnin hingga Jumaat, sampailah masanya untuk kakitangan merehatkan minda dan tenaga bagi menjayakan aktiviti yang diadakan di Padang Bola UMS-KAL itu.

Selain itu, katanya, melalui penganjuran aktiviti seperti ini, kakitangan dapat belajar cara-cara mengurus satu acara yang besar, daya kepimpinan, sumber kewangan dan tenaga kerja serta komunikasi antara Ahli Jawatankuasa Penganjur.

"Saya percaya walau di mana pun Hari Keluarga itu diadakan, objektifnya tetap sama iaitu untuk memastikan setiap kakitangan berpeluang menyertai semua acara yang dirancang selain mengeratkan hubungan sesama kita," katanya.

Beliau menambah, sebagai sebuah In-

stitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan, UMS-KAL harus menjadi teladan kepada penganjuran sebarang acara yang membabitkan kakitangan dan keluarga.

Katanya, kehadiran kakitangan merupakan satu kejayaan kepada penganjur untuk menjayakan aktiviti yang telah diatur yang mahu melihat kita semua sihat sejahtera, kekal mesra dan bahagia bersama keluarga tersayang.

Dr Shariff berharap hubungan mesra dan rapat seperti ini akan dapat dikekalkan dan diteruskan ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai kakitangan awam.

"Kita jangan lupa amanah yang diberikan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berat kepada pelanggan utama UMS-KAL iaitu pelajar dan masyarakat setempat di Wilayah Persekutuan Labuan ini," katanya.

Beliau yakin semua aktiviti yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kakitangan dan pelajar adalah untuk memastikan masyarakat di Labuan menyedari kewujudan UMS-KAL sebagai gedung ilmu yang sentiasa membuka ruang dan peluang untuk orang ramai menjalinkan kerjasama pintar terutama yang membabitkan kepakaran sebagai ahli akademik.

Sehubungan itu, Prof Dr Shariff berharap pensyarah SPKAL, SSIL dan PPIB akan berkongsi ilmu pengetahuan dengan masyarakat kampung, jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjayakan program mereka.

"Masyarakat setempat akan terus menaruh keyakinan kepada pensyarah, kakitangan dan pelajar UMS-KAL untuk menjalinkan kerjasama menjayakan aktiviti di wilayah ini," katanya.

Beliau tidak lupa menasihatkan semua warga UMS-KAL supaya sentiasa menjaga nama, imej dan prestasi UMS-KAL sebagai gedung ilmu yang disegani di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, semua warga universiti terus berganding bahu bekerjasama memastikan UMS-KAL terus unggul sebagai IPTA yang bertaraf antarabangsa dan disegani di negara ini.



CABUTAN BERTUAH Prof Dr Shariff menyampaikan hadiah utama cabutan bertuah kepada kakitangan Bahagian Perkhidmatan Akademik, Md Fazli diperhatikan Zamri dan (kanan) Suprianto (dua kiri).